



**Alangkah seronoknya berada di Sydney, tetapi tempat tinggal di sini tidaklah begitu mudah dicari. Jika anda berfikir hendak berkongsi dengan orang lain, ikutilah panduan ringkas kami ini dan anda pasti akan mendapat tempat tinggal baharu yang selamat dan selesa.**

Sama ada anda mencari rumah pangsa sendiri, atau bilik di rumah penginapan, asrama atau pun berkongsi rumah, **anda berhak mendapat keperluan asas.**

## Mendapatkan bantuan

### Perkhidmatan untuk penghuni rumah

Tenants NSW 1800 251 101

**tenants.org.au**

*(perkhidmatan ini memberikan nasihat kepada penghuni sahaja dan tidak membantu tuan rumah)*

Perdagangan Adil NSW 13 32 20

**fairtrading.nsw.gov.au**

### Menyelesaikan pertikaian

Pusat-pusat Keadilan Komuniti 1800 990 777

**cjc.nsw.gov.au**

Tribunal Pengguna, Pedagang Dan Penyewaan

1300 135 399 **cttt.nsw.gov.au**

### Nasihat undang-undang

Pusat-pusat Perkuaman Komuniti NSW

02 9212 7333 **nswclc.org.au**

Kemudahan Undang-undang 1300 888 529

**lawaccess.nsw.gov.au**

Pusat Perkuaman Redfern 02 9698 7645

**rlc.org.au/our-services/international-students**

*(i perkhidmatan ini percuma untuk pelajar antarabangsa)*

### Diskriminasi

Lembaga Pencegah Diskriminasi 02 9268 5555

**lawlink.nsw.gov.au/adb**

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Australia

1300 369 711 **hreoc.gov.au**

### Perkhidmatan penterjemahan bahasa

Perkhidmatan Penterjemahan Dan Jurubahasa

131 450 **tisnational.gov.au**

### Laporkan keraguan anda

Jika anda terbaca iklan atau tahu tentang kediaman yang anda terasa tidak selamat ataupun menyalahi undang-undang, sila maklumkan kepada Bandar Raya Sydney melalui talian telefon 02 9265 9333 atau pergi ke [cityofsydney.nsw.gov.au/illegal-housing](http://cityofsydney.nsw.gov.au/illegal-housing) untuk mendapatkan maklumat selanjutnya.

Anda boleh merahsiakan nama anda tetapi anda perlu memberikan alamat supaya kami dapat menyiasat tempat itu.



MALAYSIAN

## Apa yang harus diberi tumpuan semasa memilih tempat penginapan

Maklumat untuk **pelajar antarabangsa** dan **pelawat** yang mencari tempat tinggal yang berpatutan untuk menginap.

CITY OF SYDNEY



safe  
city



#### Bilik biasanya diiklankan di:

- ✓ Senarai kediaman yang popular di Internet;
- ✓ Papan kenyataan di kafe;
- ✓ Pusat komuniti;
- ✓ Universiti; dan
- ✓ Senarai kediaman di dalam akhbar.

#### Bilik boleh diiklankan oleh:

- ✓ Tuan rumah;
- ✓ Ejen harta tanah;
- ✓ Universiti; dan
- ✓ Penghuni rumah tersebut yang sedang mencari rakan untuk berkongsi tempat penginapan



## Jenis-jenis penginapan

### Penginapan secara berkongsi

**Apabila mencari bilik atau rumah untuk berkongsi, anda patut bertanya:**

- ✓ Adakah pajakan disediakan?
- ✓ Adakah bangunan/bilik tersebut dilengkapi pengesan asap?
- ✓ Adakah bilik tidurnya bertingkap?
- ✓ Adakah tempat itu dilengkapi kemudahan asas seperti bilik dapur dan bilik mandi? Adakah dapur, ketuhar, tandas dan pancuran mandi berkeadaan baik?
- ✓ Adakah tempat itu bersih dan kemas?
- ✓ Adakah setiap bilik dihuni oleh lebih daripada dua orang dewasa?

### Rumah penginapan

Semasa memilih bilik di dalam rumah penginapan, eloklah anda semak sama ada tempat itu tersenarai dalam daftar penginapan Jabatan Perdagangan Adil NSW, iaitu di [fairtrading.nsw.gov.au](http://fairtrading.nsw.gov.au).

Rumah yang tersenarai lebih berkemungkinan menepati piawai keselamatan api dan kesihatan yang asas.

**Ingat:** penghuni rumah penginapan tidak mempunyai kawalan yang sama terhadap tempat yang disewa itu seperti penghuni yang telah menandatangani 'perjanjian penyewaan perumahan' atau pajakan.

### Asrama dan rumah tumpangan pengembara

Jika anda ingin tinggal di asrama atau di rumah tumpangan pengembara, semak sama ada tempat itu tersenarai dengan Pengendali Rumah Tumpangan Australia, iaitu di [boansw.org.au](http://boansw.org.au). Ini akan membantu anda memilih syarikat yang boleh dipercayai.



## Berwaspadalah terhadap permasalahan berikut

### Komplot

Memang ada orang yang tidak berapa jujur apabila mengiklankan rumah. Jika pemilik rumah memberikan pelbagai alasan kerana tidak dapat membenarkan anda melihat tempat itu dan sebaliknya meminta bayaran pendahuluan, itu mungkin suatu komplot. Anda mesti memeriksa bilik atau rumah yang hendak disewa itu sebelum anda bersetuju untuk berpindah ke situ.

### Privasi

Janganlah takut bertanya bilangan penghuni rumah. Isi rumah yang terlalu ramai mungkin menandakan bahawa tempat itu tidak selamat mahupun menyalahi undang-undang.

Cubalah berjumpa dahulu dengan rakan-rakan serumah anda sebelum anda berpindah masuk. Fikirkan tentang kegiatan seharian rakan-rakan serumah anda. Memasak, menonton televisyen dan menggunakan bilik air boleh menjadi sangat bising! Fikirkan perkara ini apabila mempertimbangkan bilik loteng atau 'bilik' tanpa dinding dan tanpa pintu.

### Kontrak dan bayaran

#### Sebelum berpindah masuk:

- ✓ Dapatkan kepastian mengenai amaun sewa mingguan, termasuklah apa yang diliputinya dan yang tidak diliputinya;
- ✓ Tentukan sama ada terdapat ikatan (deposit keselamatan, biasanya sama banyak dengan amaun sewa sebulan) dan cara ikatan ini diuruskan. Ikatan hendaklah dikemukakan oleh tuan rumah atau ejen kepada Jabatan Perdagangan Adil NSW.

#### Ingat:

- ✓ Pindahan elektronik atau cek boleh menjadi bukti bayaran yang baik seandainya timbul sebarang keraguan atau perselisihan. Biar apa pun cara anda membayar, pastikan anda meminta resit bayaran sewa.
- ✓ Eloklah anda menandatangani suatu kontrak bertulis dengan pemilik, ejen atau ketua penghuni, jika anda menyewakan tempat yang anda sewa itu kepada orang lain pula. Jika terdapat sebarang masalah, ini akan membantu anda menegakkan serta menguatkuasakan hak anda.